



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 61
No. 16

10hb Ogos 2017

TAMBAHAN
No. 1

No. 663.

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Rozila binti Zulkifly, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan ini, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 16 Ogos 2017 pada 10.00 pagi di Perkarangan Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Utara; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM135,000.00 (Satu Ratus Tiga Puluh Lima Ribu Ringgit Malaysia Sahaja).

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/ pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM171,659.00. Nama pemegang gadaian—OBCB Bank (M) Berhad.

3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas—RM13,500.00 (Tiga Belas Ribu Lima Ratus Ringgit Malaysia Sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada Satu Ratus Dua Puluh Hari daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh 14 Disember 2017 dan bahawa tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan; dan
 - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—14, Daerah Seberang Perai Utara. No. Lot—2744, Bangunan M1, Tingkat 5, Petak 100. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1695/M1/5/100. Bahagian Tanah (jika ada)—Kesemua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 0702SC2014003385.

Bertarikh 26 Julai 2017
[PTSPU(L) 34/2016(35)]

ROZILA BINTI ZULKIFLY
Pentadbir Tanah
Seberang Perai Utara
Pulau Pinang

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA